

[Home](#) / [2026](#) / [February](#) /

UiTM Kampus Raub Perkasa Kesedaran Keselamatan Diri Pelajar Melalui Program “Sentuhan OK, Sentuhan Tak OK!”

SDG SINERGI

13/02/2026 / SITI AISYAH MAZLAN







RAUB, 15 Januari 2026 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang Kampus Raub terus memperkukuh komitmen khidmat komuniti melalui penganjuran Program **Jom Jaga Diri: Sentuhan OK, Sentuhan Tak OK! “Ready ke, Remaja?”**. Program ini telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Seindah Jasmine, Sekolah Kebangsaan Raub Indah.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan UiTM Kampus Raub dalam memberikan pendidikan pencegahan dan meningkatkan kesedaran keselamatan diri dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Selain itu, penganjuran program ini bertujuan memantapkan hubungan strategik antara UiTM dan SK Raub Indah yang merupakan sekolah angkat di bawah seliaan Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM).

Program yang dihadiri oleh 197 orang murid ini menampilkan Dr. Bisha Fathamah Uzir, Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merangkap Timbalan Pengerusi *Malaysia Against Pornography* (MAP) sebagai penceramah utama. Pengisian modul telah dirangka khusus mengikut

tahap perkembangan umur pelajar:

- **Pelajar Tahap 1:** Didedahkan dengan konsep pendidikan keselamatan diri, merangkumi pengenalan kepada sentuhan selamat, sentuhan tidak selamat, dan sentuhan tidak pasti.
- **Pelajar Tahap 2:** Diberikan kefahaman mendalam mengenai perubahan fizikal, emosi, dan sosial pasca-aqil baligh, diikuti dengan aktiviti interaktif di lima stesen pembelajaran bagi mengukuhkan kefahaman secara santai.

Penyertaan aktif pensyarah daripada Akademi Pengajian Bahasa (APB) dalam program ini turut menyerlahkan peranan warga akademik UiTM dalam menyumbang kepakaran kepada masyarakat setempat.

Pelaksanaan program ini secara tidak langsung menyokong aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan Baik), SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), SDG 5 (Kesaksamaan Jantina), dan SDG 17 (Kerjasama Demi Matlamat). Melalui kolaborasi strategik antara institusi pendidikan dan badan bukan kerajaan (NGO), UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub optimis dalam melahirkan generasi muda yang bukan sahaja berilmu, malah tinggi sahsiah dan akhlaknya.



Tags: [FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK \(FSKM\)](#), [Sekolah Kebangsaan Raub Indah](#), [UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub](#), [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia \(UIAM\)](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

UiTM FSPPP Strengthens Global Ties through Visiting Professor Programme with Macquarie University

Persatuan QASIRA UiTM Perak Santuni Anak Yatim Darussalam Melalui ProgramUSR Kreatif

QUICK
LINKS

HUBUNGI
KAMI



Ministry of Higher Education	Universiti Teknologi MARA
Academic Calendar	(UiTM)
Intake Calendar	40450 Shah Alam, Selangor
Graduate Quick Search	Darul Ehsan
Library	Malaysia
UiTM Holdings	Tel: +603-5544 2051 / 2000
WiFi UiTM	
E-Complaint	

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress